

Bentuk pekerja peka isu keselamatan

Oleh YAP SIONG HAN

► NIOSH meterai MoU dengan UMS bagi sumbang kepakaran dalam keselamatan dan kesihatan pekerja

UB 15-2-2014 B12
KOTA KINABALU: Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menjadi langkah pertama NIOSH dalam menyumbangkan kepakaran untuk membantu warga kerja UMS.

Pengerusi NIOSH Tan Sri Lee Lam Thye berkata, sumbangan kepakaran itu bukan sahaja untuk UMS, tetapi adalah inisiatif NIOSH membantu pembentukan tenaga kerja masa hadapan yang peka kepada isu

keselamatan dan kesihatan pekerja.

“Kerjasama ini membolehkan NIOSH membantu melahirkan pelajar keluaran UMS dalam meningkatkan daya saing dan kualiti bagi mengisi pelbagai jawatan industri khususnya di Sabah.

“UMS juga boleh menjadi model dan contoh kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain untuk melaksanakan program latihan, seminar serta persidangan mahupun penyelidikan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja dirantau ini,” katanya

“UMS juga boleh menjadi model dan contoh kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain untuk melaksanakan program latihan, seminar serta persidangan mahupun penyelidikan berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerja di rantau ini.”

TAN SRI LEE LAM THYE
Pengerusi NIOSH

pada majlis pemeteraian MoU antara UMS dan NIOSH di sini kelmarin.

Beliau berkata MoU itu juga membolehkan jalinan kerjasama diadakan dalam menyediakan program latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pensyarah, kakitangan sokongan, kontraktor serta para mahasiswa dan mahasiswi UMS.

Katanya, perjanjian itu turut menyediakan platform

bagi UMS dan NIOSH kerjasama dalam aktiviti konsultasi serta Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dalam subjek OSH.

“Ini sudah pasti dapat menghasilkan sesuatu yang bukan sahaja dapat membantu UMS tetapi secara langsung dapat membangunkan produk-produk OSH bagi faedah industri di negara ini khususnya Sabah.

“MoU ini juga akan memberikan satu ruang bagi kedua-dua badan organisasi ini untuk mengeluarkan produk-produk atau perkhidmatan baharu secara bersama yang bercirikan kreativiti dan inovasi.

“Antara perkara yang mungkin boleh diteroka bersama adalah pembangunan ‘teaching lab’, pusat pameran OSH, makmal ujikaji risiko kimia, makmal ujikaji peralatan keselamatan, simulasi bagi program kompetensi dan banyak lagi,” katanya.

Hadir sama pada majlis itu Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.



LEE (dua kanan) dan Harun (dua kiri) menunjukkan dokumen MoU yang ditandatangani bersama dalam majlis itu.